



Semua Pelajar Berdaftar
Program Prasiswazah Eksekutif
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat

Saudara/i,

**HEBAHAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP)
SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2025/2026**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2025/2026 bagi Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) akan diadakan pada **26 Januari hingga 15 Februari 2026**.

2. Sehubungan itu, Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) boleh dicetak melalui sistem SMPE mulai **31 Disember 2025**. **KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan**. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.
3. Pelajar yang masih mempunyai yuran tertunggak dikehendaki menyelesaikan yuran pengajian sebelum peperiksaan akhir semester ini. Sila hubungi Bahagian Kewangan UKMShape untuk maklumat lanjut mengenai status yuran pengajian saudara/i.
4. Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (digital/fizikal) kecuali dengan kebenaran dan telefon bimbit/ *smart watch* adalah **DILARANG** untuk dibawa ke dalam dewan peperiksaan. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

OOI CHUAH JAU
Penolong Pendaftar
Unit Peperiksaan dan Pengijazahan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100